

Penghayatan Rukun Negara jadi 'tiang seri' perpaduan nasional

**Siti Nor Zakiah
Saiddi**
Universiti Utara
Malaysia

Pengisytiharan penubuhan Malaysia diadakan dalam upacara gilang-gemilang di Stadium Merdeka pada 16 September 1963, dibacakan di hadapan lebih 30,000 rakyat oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman.

Tunku kemudiannya melaungkan kalimat 'Merdeka' sebanyak tujuh kali diselang seli dengan laungan rakyat yang hadir.

Apabila diimbangi kembali pelbagai onak dan duri diharungi dalam usaha merealisasikan proses pembentukan Malaysia, membabitkan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

Perjanjian penubuhan Persekutuan Malaysia ditandatangani wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

Matlamat utama pembentukan Malaysia adalah untuk kerjasama politik dan ekonomi disamping menyekat pengaruh komunis semakin ketara dilihat boleh menggugat kestabilan politik serantau.

Kini sudah 61 tahun Malaysia menjadi negara berdaulat dan bersatu padu. Malaysia kekal harmoni dalam kepelbagaian etnik kerana rakyatnya sentiasa mengamalkan sikap 'Setuju untuk ber-setuju, setuju untuk tidak bersetuju' selagi mana tidak bercanggah dengan kedaulatan undang-undang.

Bagaimanapun, terdapat cabaran dihadapi dalam mengekalkan perpaduan pada era globalisasi ini antaranya, permainan politik sering memainkan isu perkauman dan media sosial menjadi alat mencetuskan ketegangan antara kaum.

Promosi program perpaduan

Sungguhpun begitu, kerajaan mengambil langkah proaktif yang mana pelbagai program dan dasar

“Terdapat cabaran mengekalkan perpaduan pada era globalisasi ini. Antaranya permainan politik sering memainkan isu perkauman dan media sosial jadi alat cetus ketegangan kaum”

dilaksanakan untuk mempromosikan perpaduan antaranya, melalui pendidikan kebangsaan, integrasi sosial, sukan, kempen dan kolaborasi antara komuniti berlainan etnik dan agama.

Selain itu, ideologi Rukun Negara memainkan peranan penting dalam menghubungkan jalin keso-panan dan kesusilaan rakyat Malaysia untuk sentiasa berada dalam keadaan harmoni.

Penerapan prinsip Rukun Negara dalam masyarakat Malaysia selepas peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 ibarat tiang seri bagi memastikan perpaduan antara kaum sentiasa utuh.

Oleh demikian, dalam menghadapi cabaran masa hadapan, generasi muda perlu terus cakna kepentingan perpaduan kaum dan kesetiaan kepada raja dan negara.

Bagi memastikan kestabilan negara terjamin, pengukuhan sistem pendidikan kebangsaan perlu sentiasa disegarkan dengan elemen kepekaan serta mempromosikan kerjasama antara kaum supaya dapat mempertingkatkan pemahaman terhadap sejarah dan budaya negara.

Jika hendak terus memacu Malaysia ke arah pembinaan negara bangsa bersatu padu, maka ideologi Rukun Negara perlu disebarkan dalam diri setiap lapisan masyarakat.

Semangat Kesetiaan Kepada Raja dan Negara akan memastikan kestabilan dan kemajuan Malaysia sebagai negara kekal berdaulat.